

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Utusan Malaysia Selasa, 9 Jun, 1981

Raja Permaisuri Agong lancar Pergerakan Puteri Islam Rabu depan

Jun — Raja Permaisuri Agong akan melancarkan 'Pergerakan Puteri Islam di Dewan Camelor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 17 Jun ini.

Pengerusi Pergerakan Puteri Islam, Toh Puan Norashikin yang mengumumkan ini hari ini menerangkan satu 'demonstrasi aktiviti pergerakan tersebut akan diadakan sempena dengan hari pelancaran itu.

Bercakap di sidang akhbar di sini, Toh Puan Norashikin menjelaskan pergerakan itu tidak terhad kepada murid-murid sekolah sahaja, tetapi meliputi pekerja-pekerja perempuan di jabatan-jabatan, kilang-kilang dan lain-lain tempat kerja.

"Keahlian bagi pergerakan ini terbuka kepada anak-anak gadis Islam yang berumur di antara 12 hingga 30 tahun tambahnya.

Menurutnya pergerakan itu menyerupai Pergerakan Pandu Puteri cuma ia lebih berunsurkan Islam dan beridentitikan kebudayaan Malaysia.

Puteri Islam ditubuhkan akhir Mei, 1980 diilhamkan oleh Lembaga Kebajikan Perempuan Islam pada tahun 1979 di mana setalkat ini 150 buah sekolah telah-

pun menubuhkan badan ini dan mempunyai ahli seramai 6,000 orang.

Menurut Toh Puan Norashikin, aktiviti-aktiviti pergerakan ini meliputi sosial, agama, kebudayaan, kebajikan, kesihatan, sukan permainan dan lain-lain kegiatan-kegiatan riadah seperti memasak, menjahit mengikut panduan

Beliau menerangkan Puteri Islam bertujuan membimbing anak-anak muda Islam dalam segi akhlak, rohani dan jasmani supaya menjadi insan yang berilmu.

Menyentuh tentang sukan, Toh Puan Norashikin menjelaskan pakaian yang dikenakan bagi ahli Puteri Islam ialah baju putih dan seluar panjang berwarna merah jambu ketika perlawanan dijalankan.

Bagaimanapun sekiranya ada ahli Puteri Islam mengenakan apa-apa pakaian yang sesuai dengan diri seseorang tidak menjadi kesalahan memakai skirt sekalipun semasa menjalani latihan sahaja.

Mengenai pakaian seragamnya, Toh Puan Norashikin menerangkan, baju kurung warna putih dan kain berwarna samar aline mesti dikenakan oleh tiap-tiap ahli dan fesyennya tidak boleh dipinda.